

- KENAPA BAYAR LEBIH?
- TEMPAT DUDUK TERHAD
- PAKEJ NILAI BERGANDA
- TAWARAN ISTIMEWA
- TOUR LEADER TERLATIH
- PENJAGAAN SOLAT
- PENGINAPAN SELESA
- PENGANGKUTAN SELESA
- MAKANAN SESUAI MUSLIM



11H9M BALKANS VAMPIRE

HARI 01 KUALA LUMPUR - ISTANBUL

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi penerbangan ke Bucharest, Romania melalui Istanbul.

HARI 02 ISTANBUL - BUCHAREST

Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Henri Coanda Bucharest, bertemu dengan pemandu pelancong dan di bawa untuk makan tengahari di restoran tempatan. Kemudian tetamu di bawa melawat sekitar **Bucharest** antaranya; **Palace of Parliament** merupakan bangunan pentadbiran ke-2 terbesar di dunia selepas Pentagon di Amerika Syarikat, **Calea Victoriei Street** merupakan jalan utama yang paling terkenal di pusat Bucharest, **CEC Building** merupakan markas CEC Bank yang dibangunkan pada tahun 1900, **Triumphal Arc** merupakan monumen sejarah dan salah satu mercu tanda dan simbol di Bucharest, **Revolution Square** merupakan dataran yang terletaknya bangunan Central Committee of the Romanian Communist Party yang merupakan ibu pejabat rejim komunis di Romania sewaktu era pemerintahan komunis, **Stavropoleos Church** merupakan sebuah gereja orthodox kecil yang pernah ditutup selama lebih daripada satu kurun kerana mengalami kerosakan yang teruk dan ianya hanya dibuka semula pada tahun 1991 selepas tamatnya era pemerintahan komunis di Romania. Seterusnya tetamu di bawa untuk makan malam di restoran tempatan sebelum daftar masuk hotel.

HARI 03 BUCHAREST - TRANSYLVANIA - BUCHAREST

Sarapan pagi di hotel. Bertolak menuju ke **Transylvania** yang merupakan sebuah kawasan di pusat Romania dan terkenal dengan bandar-bandar zaman pertengahan, sempadan pergunungan dan istana. Tetamu di bawa melawat ke **Bran Castle** yang juga dikenali sebagai 'Dracula's Castle', adalah sebuah monumen penting dan mercu tanda utama di Romania. Ianya adalah salah satu daripada beberapa buah istana yang dikaitkan dengan legenda Dracula. Akan tetapi, Bran Castle ini adalah yang paling terkenal sekali kerana nama istana inilah yang disebut di dalam novel Dracula, hasil karya Bram Stoker. Bran Castle dikatakan dibina pada tahun 1377 dan digunakan sebagai kubu pertahanan untuk menghalang pencerobohan tentera Empayar Turki Uthmaniyah. Kemudiannya, mulai tahun 1920 istana ini dijadikan kediaman diraja Romania. Ia menjadi kediaman utama Permaisuri Romania pada waktu itu yang bernama Marie. Buat masa sekarang, Bran Castle ini dijadikan muzium yang mempamerkan khazanah-khazanah tinggalan Permaisuri Marie. Makan tengahari di restoran tempatan sebelum bertolak kembali ke Bucharest. Setibanya di Bucharest, tetamu diberi masa bebas di Calea Victoriei Street. Seterusnya makan malam di restoran tempatan dan bermalam di Bucharest.

HARI 04 BUCHAREST - SOFIA

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Bertolak menuju ke **Sofia** dan setibanya di sana, tetamu di bawa melawat sekitar bandar Sofia antaranya; melihat senibina **Alexander Nevski Cathedral** yang merupakan salah satu gereja orthodox terbesar di Eropah dan juga merupakan simbol kota Sofia, **Holy Synod, National Theatre**, menziarahi **Banya Bashi Mosque** yang dibina dalam tahun 1576 di zaman Osmaniah yang dibina oleh arkitek dan jurutera awam Mimar Sinan yang juga telah membina Masjid Biru di Istanbul. Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

HARI 05 SOFIA - SKOPJE

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Bertolak menuju ke **Skopje** yang merupakan ibu negara dan bandar yang terbesar di Republik of Macedonia. Setibanya di sana, tetamu di bawa untuk makan tengahari di restoran tempatan. Seterusnya tetamu di bawa melawat sekitar Skopje antaranya; **Castle of Skopje** yang juga dikenali sebagai 'Kale Fortress' yang dibina sejak kurun ke-6. Kemudian tetamu di bawa menziarahi **Mustafa Pasha Mosque** sebuah masjid yang terletak di kawasan Bazaar. Masjid ini adalah antara masjid yang tercantik dan terkenal di negara Macedonia. Ianya dibina pada tahun 1492 oleh Mustafa Pasha, wazir kepada Sultan Selim I yang memerintah Empayar Turki Uthmaniyah pada waktu itu. Menziarahi **Murat Pasha Mosque** yang memiliki air pancut di bahagian luar pintu masuknya. Ketika Skopje mengalami musim panas yang sangat terik, hampir semua yang melewatinya akan berhenti sejenak untuk minum. Masjid ini telah berusia ratusan tahun, tetapi baru dibangunkan semula pada tahun 1802 setelah menjadi korban dari kebakaran besar pada tahun 1689. Menziarahi **Yahya Pasha Mosque** yang dibina pada tahun 1504 dimana ianya digunakan oleh tentera Jerman sebagai artillery workshop pada tahun 1915. Kemudian menuju ke **Stone Bridge** yang merupakan jambatan yang dibina merentangi Sungai Vardar yang menghubungkan Old Town dengan Macedonian Square. Jambatan bersejarah sepanjang 214 meter ini merupakan antara mercu tanda utama Skopje, **Square of Macedonia** yang merupakan dataran utama yang terdapat di kota Skopje serta di dataran ini jugalah terdapat **Alexander The Great Statue** yang berdiri megah di sini. Dataran ini juga seringkali dijadikan lokasi untuk aktiviti-aktiviti kebudayaan, politik dan Festival perayaan Krismas juga turut diadakan di dataran ini. Macedonian Square juga merupakan tempat yang bersejarah bagi rakyat Macedonia kerana di sinilah kemerdekaan Macedonia daripada Yugoslavia diumumkan oleh Presiden pertamanya, iaitu Kiro Gligorov. Pada masa kini, di sekeliling dataran ini terdapat banyak bangunan-bangunan yang bercirikan senibina moden. Seterusnya tetamu di bawa membeli belah di **Old Town** yang menjual pelbagai barangan cenderamata. Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

HARI 06 SKOPJE - PRIZREN - BAR

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Bertolak menuju ke **Prizren**, adalah sebuah bandar bersejarah yang terletak di bahagian selatan Republik Kosovo serta merupakan bandar ke-2 terbesar di Kosovo. Prizren terkenal dengan jolokan 'City of Mosques and Monastries'. Setibanya di sana, tetamu di bawa melawat sekitar Prizren antaranya; **Sinan Pasha Mosque, Turkish Bazaar, Stone Bridge dan Bezhistan**. Makan tengahari di restoran tempatan dan seterusnya membeli belah di **Old Turkish Bazaar**. Seterusnya meneruskan perjalanan ke Bar dan setibanya di sana, tetamu di bawa melawat ke **Old Town**. Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

HARI 07 BAR - BUDVA - KOTOR - DUBROVNIK

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Bertolak menuju ke kota **Budva** yang terletak di dalam negara Montenegro dan melawat tarikan di situ; **The Old Town Stari Grad, Orthodox Church dan Heritage Buildings**. Kemudian meneruskan perjalanan ke **Kotor** di Montenegro yang banyak mercu tandanya merupakan tapak UNESCO World Heritage Sites. Melawat Wall of Shame, **Orthodox Square, Major Building, Tourism School and Weapon Square**. Seterusnya bertolak menuju ke Dubrovnik yang terkenal dengan tembok kota tepi lautnya di dalam negara Croatia. Daftar masuk hotel dan makan malam

HARI 08



DUBROVNIK - MOSTAR - SARAJEVO

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Bersiar-siar sambil membeli cederahati di **Old Town Stradun** sebelum bertolak menuju ke bandar Mostar yang terletak di dalam negara Bosnia and Herzegovina. Singgah sebentar dan melawat tarikan di perkampungan zaman Uthmaniyyah sejak 1383 lagi iaitu **Pocitelj; Ali Pasha Mosque, Clock Tower** dan merakam pemandangan panorama dari **Hill of Pocitelj**. Setibanya di Mostar, tetamu di bawa untuk makan tengahari di restoran tempatan. Seterusnya tetamu di bawa melawat sekitar Mostar yang merupakan kawasan yang amat terkenal dibom semasa Perang Bosnia. Melawat **Old Bridge Stari Most** yang amat terkenal baik dari segi sejarahnya sejak 1566 dan keindahannya, menyusuri kawasan **Old Town, Koski Mehmed Pasha Mosque**, menziarahi **Karadzobegova Mosque, Ottoman Hamams dan Herzegovina Museum** yang banyak menceritakan sejarah tragis Perang Bosnia. Bertolak menuju ke **Sarajevo** dan tetamu di bawa melawat ke sekitarnya antaranya; **Latin Bridge, Gazi Husref Bey Mosque**. Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

HARI 09



SARAJEVO - SREBRENICA - BELGRADE

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Seterusnya tetamu di bawa melawat **Tunnel of Hope** yang merupakan terowong laluan keluar masuk pada zaman Perang Bosnia dari Sarajevo bagi mendapatkan bekalan senjata atau makanan. Meneruskan perjalanan ke **Srebrenica** dan setibanya di sana, tetamu di bawa untuk makan tengahari. Kemudian melawat **Genocide Memorial** secara rasmi dikenali sebagai Memorial Srebrenica-Potočari dan Perkuburan Mangsa Pembunuhan Bangsa 1995, adalah kompleks peringatan-tanah perkuburan di Srebrenica ditubuhkan untuk penghormatan jenazah 1995 Srebrenica pembunuhan beramai-ramai. Perjalanan diteruskan ke **Belgrade** dan makan malam di restoran tempatan. Daftar masuk hotel dan bermalam di Belgrade.

HARI 10



BELGRADE - BUDAPEST

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Memulakan lawatan ke sekitar **Belgrade** adalah ibu kota Serbia dan merupakan bandar ketiga terbesar di Selatan-Timur Eropah selepas Istanbul dan Athens. Belgrade merupakan bandar yang penuh dengan sejarah kerana ianya antara bandar tertua di Eropah dan kisah sejarahnya telah bertapak sejak 7,000 tahun. Antara tempat yang di lawati adalah; **Kalemegdan Park** adalah taman yang terbesar dan monumen sejarah yang paling penting di Belgrade. Ia terletak pada 125 meter tinggi tebing, di persimpangan Sungai Sava dan Danube, **Cathedral Saint Sava** adalah gereja dari Serbian orthodox yang juga merupakan gereja orthodox terbesar di dunia yang selesai dibangunkan pada tahun 1989, **National Parliament, Old King Palace, Sava and Duna Rivers, Palace of Rector** dan **Republic Square**. Selepas makan tengahari di restoran tempatan, tetamu di bawa solat di **Bajrakli Mosque**. Kemudian di bawa membeli belah di **Knez Mihajlova Street**. Seterusnya perjalanan diteruskan ke Budapest. Setibanya di sana, makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

HARI 11



BUDAPEST - ISTANBUL

Sarapan pagi dan daftar keluar hotel. Sebelum bertolak ke lapangan terbang, tetamu dibawa bersiar-siar di sekitar ibu kota negara Hungary, **Budapest** yang merupakan antara bandaraya yang tercantik di benua Eropah antaranya; berpeluang mengambil gambar panorama kota ini dari atas puncak **Gellert Hill Citadel** yang dibina pada tahun 1850 dan terletaknya Liberty Monument merupakan sebuah tugu penghargaan kerajaan Hungary kepada Red Army Soviet Union yang mengalahkan tentera Nazi ketika Perang Dunia ke-2. Melalui **Elisabeth Bridge**, adalah jambatan terbaru ketiga Budapest menghubungkan Buda dan Pest merentasi Sungai Danube. Ia dinamakan sempena Queen Elizabeth isteri kepada Francis Joseph I, yang mati dibunuh di Geneva pada tahun 1898. Seterusnya melawat ke **Fishermen's Bastion** iaitu sebuah kubu pertahanan atau benteng yang dibina dari tahun 1895 sehingga 1902 dan merupakan mercu tanda bagi Hungary. Ia dibina sempena menghargai jasa nelayan-nelayan yang telah mempertahankan bandar ini daripada serangan pihak musuh dengan tujuh puncak menara yang melambangkan 7 puak Magyar. Kemudian di bawa melawat ke **St. Mathias Cathedral** sebuah gereja roman katolik yang dibina pada tahun 1015 dan pernah dibinasakan oleh tentera Mongol pada tahun 1241 dan dibina semula pada separuh kedua abad ke 14 dan pada abad ke 19. Seterusnya ke **Heroes' Square** adalah salah satu daripada dataran utama di Budapest. Di sini terdapat mercu tanda Budapest iaitu Millennium Monument yang terkenal dengan kompleks patung-patung atau tugu-tugu ikonik antaranya; patung-patung 'Seven Chieftains of the Magyars' dan patung pemimpin-pemimpin negara lain, **Parliament Building** merupakan bangunan yang mempunyai bilik sebanyak 691 yang cukup memukau mata memandang akan kehebatan seni bina dan saiznya. Kemudian tetamu di bawa untuk makan tengahari di restoran tempatan dan seterusnya di bawa ke Lapangan Terbang Budapest untuk menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur melalui Istanbul.

HARI 12



ISTANBUL - KUALA LUMPUR

Selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi beserta cukai lapangan terbang.
- Penginapan 9 malam yang selesa di hotel 4* - 5* (rujuk jadual senarai hotel).
- Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan : Bran Castle, Tunnel of Hope dan Fisherman's Bastian.
- Pengangkutan bas persiaran yang selesa dan lawatan seperti aturcara
- Perkhidmatan pemandu pelancong tempatan yang berpengalaman.
- Tip kepada pemandu pelancong dan kapten bas persiaran
- Diiringi ketua rombongan dari Kowamas Holidays yang terlatih.
- Percuma beg kembara setiap seorang (kecuali bayi).

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Surcaj tambahan ketika musim puncak, perayaan dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, mini bar dan perkhidmatan porter dll.
- Makanan dan lawatan termasuk tiket selain yang dinyatakan dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang di bawa.
- Lain-lain perkara yang tidak dinyatakan di dalam aturcara.
- Insurans kembara (travel insurance) – sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.



HARGA PAKEJ

HARGA SEORANG MENGIKUT

BILIK SEORANG	BILIK BERDUA	KANAK KANAK BERDUA	KANAK KANAK BERKATIL	KANAK KANAK TANPA KATIL
RM 8788	RM 7788	RM 7488	RM 6388	RM 5588

**Semua harga pakej yang ditawarkan di sini adalah tertakluk kepada perubahan semasa kadar tukaran matawang Ringgit Malaysia (MYR) dengan matawang US Dollar (USD) dan Euro (EUR). Harga pakej akan berubah sekiranya kadar tukaran semasa Telegraphic Transfer (TT rates) pihak bank melebihi USD1 = MYR4.50 dan EUR1 = MYR5.20. Notis secara rasmi akan diberikan kepada pelanggan yang telah menempah pakej tersebut dalam tempoh 30-45 hari sebelum berlepas.



TARIKH BERANGKAT

BULAN	HARI
Mac	26



INFO PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	DESTINASI	ETD	ETA
01	TK61	KL – Istanbul	2355	0620 + 1
02	TK1043	Istanbul - Bucharest	0825	0845
11	TK1038	Budapest – Istanbul	2005	0015 + 1
12	TK60	Istanbul - KL	0155	1720

#Waktu penerbangan tertakluk kepada perubahan semasa.



INFO HOTEL

Bucharest	Hotel Ambassador / setaraf	★★★★
Sofia	Hotel Best Western Expo / setaraf	★★★★
Skopje	Hotel Sultan / setaraf	★★★★
Bar	Hotel Princess / setaraf	★★★★
Dubrovnik	Hotel Andria / setaraf	★★★★
Sarajevo	Hotel Radon Plaza / setaraf	★★★★★
Belgrade	Hotel Belgrade City / setaraf	★★★★
Budapest	Novotel Budapest / setaraf	★★★★

DEPOSIT & PEMBAYARAN

- Deposit RM2000 seorang diperlukan selepas 5 hari tempahan disahkan.
- Pembayaran baki harga penuh pakej perlu dilakukan 45 hari sebelum berlepas.
- Sekiranya pembayaran penuh gagal dilakukan dalam tempoh tersebut, Kowamas Holidays berhak membatalkan tempahan tersebut dan mengenakan caj admin mengikut jadual dibawah.

HARGA PAKEJ	AMAUN DEPOSIT	TEMPOH PERLU DIBAYAR	BAKI DEPOSIT	CAJ ADMIN
Bawah RM 1999	RM 300	5 hari selepas tempahan disahkan	45 hari sebelum berlepas	RM 150
RM 2000 – RM 3999	RM 500			RM 250
RM 4000 – RM 5999	RM 1000			RM 500
RM 6000 – RM 7999	RM 1500			RM 700
RM 8000 & ke atas	RM 2000			RM 1000

PEMBATALAN TEMPAHAN

- Pembatalan tempahan hendaklah dibuat secara bertulis atau e-mel dalam mengelakkan sebarang kesilapan komunikasi.
- Sekiranya ingin membuat pembatalan, mesti dibuat 45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas. Caj pembatalan adalah seperti jadual di bawah :

Caj Pembatalan	
Tempoh	Caj Pembatalan
45 hari atau lebih sebelum berlepas	Pemulangan deposit selepas caj admin ditolak
30 – 44 hari sebelum berlepas	Tiada pemulangan deposit
21 – 29 hari sebelum berlepas	50% dari harga pakej
15 – 20 hari sebelum berlepas	75% dari harga pakej
Bawah 15 hari sebelum berlepas	100% dari harga pakej

NOTA PENTING

- Harga yang disenaraikan adalah tertakluk kepada perubahan mata wang, surcaj bahan api dan cukai lapangan terbang.
- Kami berhak untuk mengubah atau meminda perjalanan dengan atau tanpa notis terlebih dahulu.
- Semua penerbangan dan hotel adalah tertakluk kepada perubahan sehingga pengesahan akhir.
- Tidak semua hotel menyediakan cerek elektrik dan kemudahan seterika.
- Tidak semua hotel mempunyai bilik untuk 3 orang sebilik. Oleh itu, tempat tidur tambahan akan ditambah hanya pada bilik berdua.
- Pasport mesti sah untuk sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh perjalanan.
- Adalah menjadi tanggungjawab ahli-ahli lawatan untuk memastikan bahawa nama mereka tidak disenarai hitam oleh mana-mana badan-badan kawal selia di Malaysia yang boleh melarang perjalanan ke luar negeri.
- Kowamas Holidays Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana anggota pelancongan tidak dibenarkan meneruskan perjalanan oleh Imigresen Malaysia dan tambang tidak akan dibayar balik.
- Semua makanan yang disebut dalam program kami adalah sesuai untuk Islam, KECUALI untuk sarapan pagi yang biasanya berdasarkan menu piawai buffet Antarabangsa Semua yang dinyatakan diatas adalah termaktub pada Terma dan syarat Kowamas Holidays Sdn Bhd.

MAKLUMAT AKAUN



Bank : **MAYBANK BERHAD**
Penerima : **KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD**
No Akaun: **5625 6230 4881**

KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD (526807 M) (KPL/LN 6961)

HQ OFFICE

Unit 301 Block A, Level 3, Kelana Business Centre,
97 Jalan SS7/2, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

☎ 03-78030170 | 📠 03-78031260 | ✉ info@kowamasholidays.com

KOTA BHARU BRANCH OFFICE

Lot 2, Ground Floor, Hotel Perdana, Kota Bharu,
Jalan Mahmood, 15200 Kota Bharu, Kelantan

☎ +6012 960 5230 (salam) | ✉ kotabharu@kowamasholidays.com

JOHOR BAHRU BRANCH OFFICE

G-09D(B), Ground Floor, Puteri Harbour,
Persiaran Puteri Selatan, 79000 Iskandar Puteri, Johor

☎ +6019 331 1079 | ✉ johorbahru@kowamasholidays.com

*Harga tertakluk kepada perubahan tukaran matawang asing semasa

*Tarikh tertakluk kepada surcaj tambahan. Sila hubungi CS Dept kami.